

## **Profil Jawatan Kosong**

Agensi	<b>: Pejabat Majlis Islam Sarawak</b>
Nombor Rujukan	: SRAMISKCH/05A/2025
Tarikh Iklan Dibuka	: 11 Ogos 2025
Tarikh Tutup Iklan	: 25 Ogos 2025
Jawatan	<b>: Eksekutif C (Guru Bahasa Melayu)</b>
Taraf Jawatan	: Kontrak
Kekosongan	: 3
Stesen	: Sekolah Rendah Agama Majlis Islam Sarawak No.2 Kuching
Jadual Gaji	: Gaji Minimum: RM2,960.10      Gaji Maksimum: RM8,956.08

### **Syarat-syarat Lantikan:**

Calon-calon bagi lantikan hendaklah warganegara Malaysia yang bermastautin di Sarawak dan berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan dan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

1. Memiliki Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pengajian Bahasa Melayu atau Sastera dan Linguistik atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;  
Memiliki Diploma Pendidikan yang diiktiraf oleh Kerajaan adalah satu kelebihan; **DAN**
2. Memiliki kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Calon yang memiliki ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam bidang Pendidikan Seni Visual adalah satu kelebihan.

Pegawai yang sedang berkhidmat hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan.

### **Cara Memohon:**

Calon yang berminat dan memenuhi syarat-syarat seperti di atas boleh mengimbas **QR Kod** di bawah untuk mengisi **Borang Permohonan Jawatan. Curriculum Vitae (CV)** yang mengandungi butir-butir peribadi, kelayakan akademik, pengalaman kerja berserta **salinan sijil yang telah disahkan**, pengiktirafan kelayakan MQA dan sekeping gambar berukuran passport (tidak akan dikembalikan) **sebelum atau pada 25 Ogos 2025 (Isnin)** kepada:

**SETIAUSAHA MAJLIS ISLAM SARAWAK  
ARAS 16, PEJABAT MAJLIS ISLAM SARAWAK  
MAJMA' TUANKU ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH  
LORONG P.RAMLEE, OFF JALAN P.RAMLEE  
93400 KUCHING, SARAWAK (u.p.: UNIT SUMBER MANUSIA, MIS)**

### **Catatan Am:**

- (i) Pemohon hendaklah menulis nama jawatan yang dimohon di sebelah kiri sampul surat.
- (ii) Hanya calon-calon yang layak selepas disenarai pendek sahaja yang akan dipanggil untuk temuduga.
- (iii) Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan **selepas 3 bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.**



